

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 NOVEMBER 2016

Dr M mahu musnah ekonomi negara

→ Dakwaan berterusan dalam blog Chedet hentam projek ECRL

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad berterusan menyerang projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) jelas bertujuan memusnahkan ekonomi negara.

Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata tindakan Dr Mahathir menyebarkan penipuan dan dakwaan tidak berasas juga akan melemahkan keyakinan terhadap ekonomi negara serta sabotaj perdagangan luar dan pelaburan Malaysia.

“Anda (Dr Mahathir) hanya membantu memusnahkan ekonomi negara,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Abdul Rahman yang juga Men-

teri di Jabatan Perdana Menteri berkata, kenyataan Dr Mahathir mengenai ECRL juga menunjukkan bekas Perdana Menteri itu tidak faham perincian kerjasama perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan China.

Nafi dakwaan Dr Mahathir

“Dakwaan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) kononnya projek itu adalah yang termahal di dunia juga tidak benar.

“Dalam tulisan (Dr Mahathir) di blognya mengenai kerjasama perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan China, banyak fakta dan penerangan yang salah, mungkin kerana beliau sendiri tidak faham.

“Dakwaan kononnya pinjaman mudah diberikan China kepada Malaysia untuk projek ECRL akan meningkatkan hutang negara dan projek diberikan kepada syarikat

Chedet

Admin About me Preface Comment Policy

Uncategorized NAJIB'S CHINA TRIP

← BILA LAGI

NAJIB'S CHINA TRIP

1. The MCA President is trying to make any criticism of Najib's dealings with China as a racial issue (read [here](#)). This is to divert attention from the financial implications of many of the deals. The deals, especially the East Coast Railway project will increase Malaysia's Government debts considerably.
2. Whether it is with China or any other country Malaysians should protest against this huge borrowing by the Government because it could place a heavy burden on themselves, their children, grandchildren and beyond.
3. Firstly the 55 billion Ringgit to pay for the 600km would be borrowed from China. This means that the contract would be given to a China contractor. But Malaysia has many companies capable of constructing electrified railway lines.

Tulisan Dr Mahathir dalam blognya yang menyebarkan dakwaan tak berasas.



Dalam tulisan (Dr Mahathir) di blognya mengenai kerjasama perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan China, banyak fakta dan penerangan yang salah, mungkin kerana beliau sendiri tidak faham”

Abdul Rahman Dahlan,
Pengarah Komunikasi
Strategik Barisan Nasional

milik China adalah cubaan untuk mengeruhkan hubungan antara kedua-dua negara,” katanya.

Pinjaman mudah

Abdul Rahman berkata, pinjaman mudah bagi tempoh 20 tahun yang diberikan Export-Import Bank of China adalah dengan kadar faedah yang rendah dan dalam urus niaga ringgit, bukan dalam mata wang Yuan atau dolar Amerika (AS\$) seperti didakwanya, sekali gus membuktikan hujahnya mengenai risiko pertukaran wang asing itu amat jauh tersasar.

Katanya, delegasi China yang melawat perhimpunan agung MCA baru-baru ini juga melahirkan rasa kesal dengan kritikan serta tuduhan dilemparkan parti pembangkang mengenai kerjasama perdagangan antara Malaysia dan republik itu.

“Keputusan kerajaan membuat

pinjaman menggunakan ringgit adalah kerana tidak mahu mengulangi kesilapan Dr Mahathir ketika melaksanakan projek mega dengan meminjam daripada Jepun menggunakan urus niaga mata wang Yen sehingga mengakibatkan kerugian besar kepada negara.

“Kerajaan yang ada hari ini tidak mahu mengulangi kesalahan sama dan sebab itu hutang negara menggunakan mata wang ringgit yang hanya sedikit terjejas oleh pergerakan pertukaran mata wang asing,” katanya.

Beliau berkata, kenyataan Dr Mahathir kini tidak boleh lagi dipandang serius disebabkan agenda politik dan dendam peribadinya, selain membuat pusingan U terhadap pelbagai perkara walaupun bertentangan dengan prinsipnya ketika menjadi Perdana Menteri.

UserOnline

Now: 271 Users Online : Highest: 3499 August 25, 2016 @ 12:56 AM
Users: 266 Guests, 5 Bots

Recent Comments

- zulu on NAJIB'S CHINA TRIP
- scrib on NAJIB'S CHINA TRIP
- huda on BILA LAGI
- Fariq Islam on NAJIB'S CHINA TRIP
- Fariq Islam on NAJIB'S CHINA TRIP
- mishah on NAJIB'S CHINA TRIP
- amir yusof on NAJIB'S CHINA TRIP

BH - 17/11/2016